

14/07/2001

Rusuhan kaum 1969 beri pengajaran berguna

KUANTAN, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 memberi pengajaran berguna kepada rakyat negara ini supaya sentiasa mengutamakan dan mengekalkan keamanan.

Perdana Menteri berkata, rakyat kini tahu rusuhan kaum tidak mendatangkan sebarang faedah, dan hanya hidup berharmoni dapat mengelakkan berlaku keganasan walaupun negara dilanda kegawatan ekonomi.

Katanya, kerajaan juga dapat memikirkan dan merancang kaedah terbaik bagi mengatasi masalah kegawatan ekonomi dalam suasana aman seperti pada tahun 1997 dan 1998.

"Keadaan aman sangat penting di Malaysia kerana kalau tidak aman, negara tidak mungkin dapat dibangunkan atau dimajukan manakala peniaga sudah tentu tidak boleh berniaga.

"Sebab itulah, kerajaan tidak suka kepada demonstrasi jalanan yang boleh menyebabkan ramai usahawan tidak dapat berniaga dan terpaksa tutup kedai," katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (GPCM) di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini, malam ini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Presiden Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, Tan Sri Chong Ching Shoong.

Dr Mahathir berkata, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan kerajaan berikutan rusuhan kaum 1969 berjaya mengelakkan perasaan marah dan benci yang timbul sebelum itu.

"DEB bertujuan mengimbangi kedudukan kaum bagi menghalang satu kaum menjadi terlalu miskin dan satu kaum lagi terlalu kaya.

"Justeru, kita perlu menjaga keamanan dengan sensitif kepada masalah kaum lain kerana pembangunan seimbang antara kaum dapat mengelak berlaku rusuhan," katanya.

Dr Mahathir juga bersetuju dengan GPCM yang mengamalkan pendirian ahli falsafah Cina, Confucian, untuk mengekalkan keamanan.

Katanya, semua kaum di negara ini, termasuk Melayu, Cina dan India perlu memiliki perasaan sayang, kasihan dan saling memahami antara satu sama lain untuk hidup dalam keadaan aman.

Beliau berkata, jika sesuatu kaum menyedari masalah yang dialami kaum lain, perasaan kasihan terhadap mereka akan timbul dan berusaha membantu bagi mengatasi masalah itu.

(END)